

17/08/1997

Keng Yaik minta naikkan gaji pekerja awam

KUALA LUMPUR: Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, meminta kerajaan menaikkan gaji kakitangan sektor awam terutama pekerja berpendapatan rendah bagi mengelak golongan itu terbabat dengan gejala rasuah.

Pada masa yang sama, katanya, kerajaan perlu mengambil tindakan tegas terhadap kakitangan yang terbabat dalam gejala rasuah selaras dengan pindaan Akta Pencegahan Rasuah.

"Kita yakin amalan rasuah di negara ini dapat dikurangkan, kalau pun tidak dihapuskan sama sekali.

"Ia dapat dikurangkan sekiranya semua rakyat menggembleng tenaga dan mengambil bahagian dalam kempen kebangsaan menentang amalan rasuah," katanya pada perasmian Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan ke-26, di sini semalam.

Persidangan itu yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut dihadiri pemimpin parti komponen BN.

Dalam ucapannya, Dr Lim mengingatkan ahli parti itu bahawa kemenangan dalam pertandingan parti bukan menjadi prasyarat yang membolehkan seseorang itu dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, andaian bahawa sesiapa yang menang jawatan Pengerusi Gerakan Negeri akan secara automatik diberi kerusi yang selamat untuk bertanding dalam pilihan raya, adalah silap.

Beliau berkata, tindakan itu menggalakkan wujudnya sikap berpuk-puk di beberapa negeri, bahagian dan cawangan untuk bertapak serta mendirikan asas kuasa sebagai persiapan untuk pertandingan tahun depan.

"Tindakan ini yang boleh membinasakan parti tidak dipedulikan langsung oleh mereka sehingga menyebabkan perpecahan di beberapa negeri sekarang," katanya.

Beliau berkata, Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) akan memastikan mereka yang menyebabkan perpecahan akan dikecewakan dengan tidak dilantik sebarang jawatan pada peringkat negeri dan persekutuan.

Sebagai persiapan meningkatkan semangat perjuangan parti, Dr Lim meminta pemimpin parti itu menghadiri kursus menyemarakkan semula semangat dan latihan.

"Ia bertujuan melengkapkan diri kita dengan teknik baru untuk mengatasi segala kelemahan dan ancaman.

"Pada masa yang sama, kita dapat merebut peluang dalam era baru yang bercorak persaingan alam perubahan teknologi pesat sekarang," katanya.

(END)